

TARIKH: 9/9/23 .
SURAT KHABAR: Harian Metro .
MUKA SURAT: 10

Bukit Mertajam: Bebanan kewangan ditanggung seorang isteri penghantar makanan yang maut dalam kemalangan mendapat perhatian Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menerusi Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

Nur Ammera Atan, 32, berkata, dia yang tidak bekerja buntu untuk membesarkan empat anak selepas kematian suami, Muhamad Firdaus Rosli, 36, pada 30 Ogos lalu.

Katanya, lebih perit dia juga perlu menjaga bapanya yang uzur dan memerlukan penjagaan rapi hingga menyebabkan dia sukar untuk keluar bekerja.

"Dulu semua arwah suami yang uruskan dan tanggung, tetapi dengan ketiadaan dia sekarang memang agak buntu, tambahan pula ayah saya pun sedang sakit dan perlu menjaganya setiap masa.

"Apabila dimaklumkan, dapat penceن bulanan arwah suami daripada Perkeso memang lega sangat kerana boleh digunakan untuk perbelanjaan harian dan sekolah anak," katanya ketika ditemui di rumahnya di Machang Bubuk di sini, semalam.

Terdahulu Nur Ammera menerima kunjungan Timbalan Pengarah Perkeso negeri, Chiam Hong Lan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Machang Bubuk, Lee Khai Loon yang menyerahkan surat pembayaran penceن penakat

Penceن bulanan arwah suami bantu kami sekeluarga'



NUR Ammera bersama anaknya menunjukkan gambar Allahyarham Muhamad Firdaus ketika menerima kunjungan penyampaian faedah Perkeso di Machang Bubuk, Bukit Mertajam.
- Gambar NSTP/DANIAL SAAD

Muhamad Firdaus.

Dalam pada itu, ibu kepada Allahyarham Muhamad Firdaus iaitu Faizah Abdullah, 59, berkata, anak sulungnya itu menerima rawatan selama hampir sebulan ekoran kecederaan dialaminya dan sepatutnya pada 30 Ogos adalah tarikh anaknya dibenarkan pulang ke rumah.

"Kami sudah buat pelbagai persiapan termasuk membeli katil khas untuknya, tetapi sudah takdir apabila dia pergi buat selama-lamanya dan kami

sekeluarga reda atas pemergiannya," katanya.

Sementara itu, Hong Lan berkata, mengikut rekod Allahyarham Muhamad Firdaus yang juga Orang Bekerja Sendiri (OBS) mencarum dengan Perkeso melalui SKSPS.

"Kita mendapat maklumat bahawa Muhamad Firdaus yang bekerja sebagai penghantar makanan dengan sebuah syarikat p-hailing terbabit dengan kemalangan pada 2 Ogos lalu ketika dalam perjalanan menghantar pesanan

pelanggan.

"Dia yang mengalami kecederaan parah dibawa ke hospital untuk mendapatkan rawatan sebelum di-sahkan meninggal dunia pada 30 Ogos.

"Bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh isteri serta anak-anaknya, kami menyerahkan penceن penakat yang akan dibayar seumur hidup dengan bayaran sebanyak RM1,395 sebulan termasuk faedah pengurusan jenazah secara one-off bernilai RM2,000," katanya.

Harian Metro
9/9/23 (Sabtu)
MS 10